

Warga UMP yang menjayakan program berkenaan.



# Tanam 100 anak pokok

## Program Inisiatif Hijau indahkan kampus

ROSILAWATI ROSEDI

Seramai 50 warga kerja Universiti Malaysia Pahang (UMP) membatikan pegawai eksekutif universiti menjayakan Program Inisiatif Hijau (The Green Initiative) 1 Kehidupan 1 Tanggungjawab (1Life 1 Responsibility) di Rimbunan Cendekia UMP Pekan baru-baru ini.

Program itu anjuran Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikusas (PPTI) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Korporat dan Kualiti itu.

Dalam program berkenaan peserta bergotong-royong menanam sebanyak 100 anak pokok dari pelbagai

spesies termasuk pokok kelat paya hitam, kayu manis, merawan sripit jantan dan keruing neram.

Ketua Pegawai Operasi, Abd Hamid Majid dalam ucapan perasmiannya memuji kaktangan terlibat di atas pengurusan program sebegini yang wajar dicontohi dalam menjayakan program inisiatif penghijauan kampus selain menggalakkan penuntutan universiti itu menghargai alam sekitar.

"Program ini juga menyumbang kepada perenaraan UI-Green Metric World University Ranking yang sedang dijalankan UMP."

"Lanya dapat memberikan kesedaran dalam diri pegawai tentang pentingnya memulihara alam sekitar dengan menanam pokok bagi tujuan pengurusan yang lebih bersih dan segar selain mengenali jenis pokok yang ditanam," katanya.

Jelasnya, persekitaran UMP kini lebih indah dengan pokok yang semakin membesar dan keindahan taska.

"Keindahan ini perlu dikekalkan menerusi tanggungjawab bersama di antara warga UMP."

"Walauapun jenis tanah di UMP ini tidak subur, namun pelbagai usaha warga UMP dengan bimbingan Unit Lanskap UMP berjaya menjadikan UMP terus melestarikan kehijauan kampus dan sentiasa indah," jelasnya lagi.

Dalam pada itu beliau menegaskan keindahan kampus juga antara komponen yang dapat menarik minat pelajar untuk memilih universiti ini menyambung pengajian.

Sementara itu, Presiden

PPTI, Arman A Rahim bangga dengan usaha dan komitmen dalam kalangan staf universiti yang telah menjayakan program ini secara sukarela.

Menurutnya, program itu dapat merapatkan silaturahim terutamanya dalam kalangan ahli persatuan dari pelbagai jabatan memandangkan masing-masing sibuk dengan tugas-tugas lain mengharapkan lebih banyak program dapat dijalankan selepas ini.

Setakat ini, Rimbunan Cendekia juga memenapkan beberapa pokok yang terdiri daripada cengal, meranti, gaharu, tulang dan kelumpang burung yang ditanam Naib Canselor dan Rektor Universiti Awam sempena Mesyuarat Jawatankuasa Naib Canselor dan Rektor UA (JKNCR) berdekatan Bangunan Canselor Tun Abdul Razak sebagai tanah diajelan dan penghijauan kampus.

Ia turut melambangkan penyataan semua golongan cendekiawan dalam menyuburkan bidang pendidikan yang selari dengan semangat soaring upwards iaitu slogan bagi Kementerian Pendidikan Tinggi.



Abd Hamid (depan, kiri) menyerahterakan pokok kepada Arman sempena Program Inisiatif Hijau (The Green Initiative) 1 Kehidupan 1 Tanggungjawab di Rimbunan Cendekia UMP Pekan baru-baru ini.